

NAMA : TINGKATAN :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SELANGOR**

**PENILAIAN INTERVENSI TERBILANG AKADEMIK SELANGOR (PINTAS) 2025
PRINSIP PERAKAUNAN TINGKATAN 5**

Kertas 1

3756/1

1 Jam 15 Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anada pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi **16** halaman bercetak

- 1 Pernyataan berikut berkaitan dengan subbidang perakaunan.

Proses penyediaan perancangan, kawalan, pengurusan pengeluaran dan pengurusan syarikat kepada pengguna dalaman.

Apakah subbidang tersebut?

- A Percukaian
- B Pengauditan
- C Perakaunan kewangan
- D Perakaunan pengurusan

- 2 Pemilik Reefa Trading merekodkan bayaran sewa kediamannya sebanyak RM950 sebagai ambilan dalam buku perakaunan perniagaannya.

Apakah andaian perakaunan yang dipatuhi?

- A Prinsip kos
- B Entiti berasingan
- C Usaha berterusan
- D Wang sebagai ukuran

- 3 Pernyataan berikut merupakan ciri-ciri suatu entiti perniagaan.

- Bilangan anggota ialah 50 hingga tiada had maksimum
- Tanggungan liabiliti adalah terhad
- Keuntungan diagihkan dalam bentuk dividen

Manakah entiti perniagaan yang menepati ciri-ciri tersebut?

- A Koperasi
- B Perkongsian
- C Syarikat Berhad
- D Milikan Tunggal

- 4 Apakah hasil operasi bagi Perniagaan Perabot Reza?

- A Sewa diterima
- B Komisen diterima
- C Jualan meja makan
- D Untung jualan kenderaan

5. Urus niaga berikut diperoleh daripada perniagaan Butik Lisa.

Mengeluarkan cek bernilai RM5 000 kepada seorang pembekal bagi menjelaskan hutangnya sebanyak RM5 150.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	Aset RM	Liabiliti RM	Ekuiti Pemilik RM
A	5 000	5 150	(150)
B	5 000	(5 150)	150
C	(5 000)	(5 150)	150
D	(5 150)	(5 000)	(150)

6. Apakah dokumen yang terlibat dalam urus niaga secara kredit?

- A. Memo
- B. Invois
- C. Bil tunai
- D. Baucar pembayaran

- 7 Dokumen berikut diperoleh daripada Kedai Komputer Syamin.

MEMO Kedai Komputer Syamin	
Kepada: Kerani akaun Daripada: Puan Syamin Perkara: Pemilik mengambil sebuah komputer bernilai RM3 600 untuk kegunaan di pejabat.	Tarikh: 15 April 2025 <u>Syamin</u> Pengurus

Pilih catatan jurnal untuk merekod maklumat tersebut.

A

Jurnal Am

Butiran	Debit	Kredit
	RM	RM
Ambilan Inventori	3 600	3 600

B

Jurnal Am

Butiran	Debit	Kredit
	RM	RM
Ambilan Belian	3 600	3 600

C

Jurnal Am

Butiran	Debit	Kredit
	RM	RM
Alatan Pejabat Inventori	3 600	3 600

D

Jurnal Am


Butiran	Debit	Kredit
	RM	RM
Alatan Pejabat Belian	3 600	3 600

- 8 Petikan Buku Tunai berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

Buku Tunai					Kt	
		Tarikh	Butiran	Diskaun	Tunai	Bank
		2025 Mac 6	Hero Trading	RM 50	RM	RM 1 250

Manakah urus niaga yang menerangkan catatan pada 6 Mac 2025?

- A Menerima cek daripada Hero Trading dan menerima diskaun
 - B Membeli secara kredit daripada Hero Trading dan diberi diskaun
 - C Menjual secara kredit kepada Hero Trading dan memberi diskaun
 - D Menjelaskan hutang Hero Trading dengan cek dan menerima diskaun
- 9 **Rajah 1** berikut berkaitan dengan pembahagian lejar.



Rajah 1

Apakah **P** dan **Q**?

	P	Q
A	Lejar Am	Lejar Subsidiari
B	Lejar Subsidiari	Lejar Am
C	Akaun Perorangan	Akaun Bukan Perorangan
D	Akaun Bukan Perorangan	Akaun Perorangan

- 10 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan MK.

Akaun Kawalan Belum Terima					
2025		RM	2025		RM
Mac 1	Baki b/b	3 190	Mac 31	Bank	8 320
				Diskaun diberi	180
				Baki h/b	2 730

Berapakah jualan kredit?

- A RM2 730 C RM5 920
 B RM3 190 D RM8 040
- 11 Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada Damai Enterprise.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2024		
Butiran	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	8 500	
Modal		12 000
R	630	
S		710

Apakah **R** dan **S**?

	R	S
A	Inventori awal	Inventori akhir
B	Insurans	Ambilan
C	Diskaun diterima	Promosi
D	Angkutan masuk	Faedah atas simpanan

- 12 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Sivakumar.

	RM
Untung kasar	8 900
Komisen diterima	750
Sewa dibayar	1 600
Angkutan masuk	300
Gaji	1 500

Berapakah untung bersih?

- A RM6 100
 B RM6 250
 C RM6 550
 D RM6 850

- 13 Pilih pasangan yang tepat tentang tatacara penutupan akaun.

	Akaun	Dipindahkan ke dalam
A	Belian	Akaun Perdagangan
B	Inventori	Akaun Untung Rugi
C	Utiliti	Akaun Perdagangan
D	Angkutan Masuk	Akaun Untung Rugi

- 14 Pilih pernyataan perakaunan asas akaun yang betul.

- A Belanja prabayar diiktiraf sebagai belanja
- B Belanja belum bayar tidak diiktiraf sebagai belanja
- C Hasil belum terperoleh diiktiraf sebagai hasil
- D Hasil belum terima diiktiraf sebagai hasil

- 15 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Crystal bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.

- Sewa dibayar untuk setahun bermula 1 April 2024 sebanyak RM3 600

Berapakah nilai sewa yang direkod dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024?

- A Sewa prabayar RM900
- B Sewa prabayar RM2 700
- C Sewa belum bayar RM900
- D Sewa belum bayar RM2 700

- 16 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Jauhari.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2025 (petikan)

Butiran	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	40 600	
Hutang lapuk	180	
Peruntukan hutang ragu		650

Maklumat tambahan:

- i) Seorang pelanggan didapati muflis dan baki hutangnya berjumlah RM300 dihapus kira sebagai hutang lapuk.
- ii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 2% atas Akaun Belum Terima bersih.

Apakah catatan pelarasan Peruntukan Hutang Ragu dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2025?

- A Pertambahan Peruntukan Hutang Ragu RM156
- B Pengurangan Peruntukan Hutang Ragu RM156
- C Pertambahan Peruntukan Hutang Ragu RM806
- D Pengurangan Peruntukan Hutang Ragu RM806

- 17 Maklumat berikut diperoleh daripada Pasar Raya Swift pada 1 April 2024.

Lengkapan (kos)	RM60 000
Usia guna	8 tahun
Nilai skrap	RM2 000

Berapakah susut nilaiengkapan pada 31 Mac 2025?

- A RM7 750
 B RM7 500
 C RM7 250
 D RM7 100
- 18 Maklumat berikut diperoleh daripada perniagaan Pastry Cafe.

Imbangan Duga pada 31 Julai 2025 (petikan)

Butiran	Debit	Kredit
	RM	RM
Kenderaan	90 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		32 400

Maklumat tambahan:

Polisi perniagaan menetapkan susut nilai kenderaan menggunakan kaedah baki berkurangan sebanyak 20% setahun.

Berapakah untung atau rugi pelupusan jika kenderaan dijual dengan harga RM47 000 pada 31 Julai 2025?

- A Rugi pelupusan RM920
 B Rugi pelupusan RM7 400
 C Untung pelupusan RM920
 D Untung pelupusan RM7 400
- 19 Pada 1 Mac 2025, Puan Ziera telah membayar premium insurans kedainya sebanyak RM7 200 bagi tempoh setahun. Tempoh perakaunan perniagaannya berakhir pada 31 Disember 2025.

Manakah catatan yang betul dalam Penyata Kewangan?

	Akaun Perdagangan dan Untung Rugi	Penyata Kedudukan Kewangan
A	Insurans RM6 000	Insurans Prabayar RM1 200
B	Insurans RM1 200	Insurans Prabayar RM6 000
C	Insurans Prabayar RM1 200	Insurans RM6 000
D	Insurans Prabayar RM6 000	Insurans RM1 200



20 Manakah pernyataan yang merujuk kesilapan prinsip?

- A Komisen diterima sebanyak RM600 belum dicatatatkan dalam mana-mana buku
- B Peruntukan hutang ragu sebanyak 3% atas Akaun Belum Terima terlupa diselaraskan
- C Belanja membaiki kenderaan RM8 500 telah direkodkan dalam Akaun Kenderaan
- D Jualan RM1 500 kepada Perniagaan Mea direkodkan dalam Akaun Perniagaan Nea

21 Kesilapan berikut telah dikesan oleh kerani Kedai Perabot Kim.

Beli barang niaga sebanyak RM1 200 secara kredit telah direkod dalam Akaun Perabot.

Apakah catatan lejar untuk membetulkan kesilapan tersebut?

	Debit	Kredit
A	Akaun Belian	Akaun Perabot
B	Akaun Perabot	Akaun Belian
C	Akaun Jualan	Akaun Perabot
D	Akaun Perabot	Akaun Jualan

22 Manakah merupakan nisbah kecairan?

- A Kadar pusing ganti inventori
- B Margin untung bersih
- C Pulangan atas modal
- D Nisbah semasa

23 Apakah maklumat penting untuk mengira keuntungan sesebuah perniagaan yang tidak menyimpan rekod dengan lengkap?

- A Baki pinjaman bank
- B Jumlah belanja pengiklanan
- C Baki modal awal dan modal akhir
- D Jumlah pelaburan jangka panjang

- 24 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan TMaz Enterprise.

	RM
Modal awal	30 000
Modal akhir	50 000
Ambilan	5 000
Modal tambahan	10 000

Berapakah jumlah untung bersih?

- A RM10 000
B RM15 000
C RM20 000
D RM25 000
- 25 Apakah tujuan utama kawalan tunai dalam sesebuah perniagaan?
- A Mengira keuntungan bersih
B Mencegah penyelewengan wang
C Menambah nilai aset bukan semasa
D Menentukan jumlah inventori perniagaan
- 26 Apakah butiran yang menyebabkan perbezaan antara baki Buku Tunai dan Penyata Bank?
- A Penerimaan tunai daripada pelanggan
B Bayaran tunai kepada pembekal
C Pindahan kredit
D Jualan kredit
- 27 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Ghaffar Berhad.

- Jualan secara kredit RM20 000 pada bulan Januari
- Polisi kutipan hutang 50% pada bulan seterusnya
- Penerimaan baki hutang pada bulan Mac

Berapakah jumlah penerimaan pada bulan Mac?

- A RM5 000
B RM10 000
C RM15 000
D RM20 000

- 28 Apakah kelebihan perubahan entiti milikan tunggal kepada perniagaan perkongsian?
- A Modal yang terhad
 - B Daya saing yang rendah
 - C Pelbagai kepakaran dapat dikongsi
 - D Risiko perniagaan ditanggung oleh seorang pemilik
- 29 **Jadual 1** menunjukkan ambilan dalam Perkongsian Wana.

Nama Pekongsi	Tarikh Ambilan
	1 April 2024
Wawa	RM 2 400
Nana	3 600

Jadual 1

Maklumat tambahan:

- i. Faedah atas ambilan 10 % setahun.
- ii. Tempoh perakaunan berakhir 31 Disember setiap tahun.

Berapakah faedah atas ambilan setiap rakan kongsi?

	Wawa RM	Nana RM
A	60	90
B	180	270
C	200	300
D	240	360

- 30 Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada rekod Perkongsian Rosa pada 31 Mac 2025.

Perkongsian Rosa		
Imbangan Duga pada 31 Mac 2025 (petikan)		
	RM	RM
Akaun Modal Roza		20 000
Akaun Modal Sarah		10 000
Akaun Semasa Roza		2 570
Akaun Semasa Sarah	450	

Pilih catatan yang betul.

A

Perkongsian Rosa		
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2025 (petikan)		
	RM	RM
<u>Ekuiti Pemilik</u>		
Akaun Modal Roza	20 000	
Akaun Modal Sarah	10 000	
		30 000
 Akaun Semasa Roza	2 570	
Akaun Semasa Sarah	450	
		3 020

B

Perkongsian Rosa		
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2025 (petikan)		
	RM	RM
<u>Ekuiti Pemilik</u>		
Akaun Modal Roza	20 000	
Akaun Modal Sarah	10 000	
		30 000
 Akaun Semasa Roza	2 570	
Akaun Semasa Sarah	(450)	
		2 120

C

Perkongsian Rosa		
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2025 (petikan)		
	RM	RM
<u>Ekuiti Pemilik</u>		
Akaun Modal		30 000
Akaun Semasa		3 020

D

Perkongsian Rosa		
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2025 (petikan)		
	RM	RM
<u>Ekuiti Pemilik</u>		
Akaun Modal		30 000
Akaun Semasa		2 120

- 31 Catatan Jurnal Am berikut menunjukkan satu rekod yang berlaku semasa pembubaran perkongsian.

Jurnal Am				
Tarikh	Butiran	Fol.	Debit	Kredit
2025 Jan. 31	Bank Realisasi (T)		RM 25 000	RM 25 000

Apakah T?

- A Merekod bayaran balik pinjaman
 - B Merekod pembayaran balik modal pekongsi
 - C Merekod penerimaan daripada penjualan aset
 - D Merekod aset yang diambil alih oleh pekongsi
- 32 Puan Daniyah memiliki 20 000 unit 8% Syer Keutamaan Mega Berhad pada harga RM2.00 sesyer.

Apakah hak keistimewaan yang diperoleh Puan Daniyah sebagai pemegang Syer Keutamaan?

- A Berhak mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan
 - B Berhak menerima dividen pada kadar tidak tetap pada setiap tahun
 - C Berhak menerima tunggakan dividen sekiranya syarikat mengalami kerugian pada tahun semasa
 - D Berhak membuat tuntutan modal setelah tuntutan pemegang Syer Biasa dan semua liabiliti lain telah diselesaikan
- 33 Maklumat berikut berkaitan modal Berjaya Berhad.

<u>Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh</u> 3 000 000 6% Syer Keutamaan RM2 sesyer 3 000 000 Syer Biasa RM1 sesyer
--

Maklumat tambahan:

Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Berapakah nilai Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh?

- A RM3 000 000
- B RM6 000 000
- C RM9 000 000
- D RM12 000 000

- 34 Maklumat berikut berkaitan modal Usaha Niaga Berhad.

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
1 000 000	8% Syer Keutamaan RM2 sesyer
2 000 000	Syer Biasa RM1 sesyer

Jadual 2 menunjukkan keuntungan syarikat yang diperuntukkan untuk pembayaran dividen bagi tahun berakhir 30 Jun 2025.

Keuntungan RM	Dividen 8% Syer Keutamaan RM	Dividen Syer Biasa RM
200 000	160 000	40 000

Jadual 2

Berapakah kadar dividen Syer Biasa?

- A 2%
B 4%
C 20%
D 25%
- 35 Apakah penyata kewangan yang disediakan oleh sesebuah kelab dan persatuan?
- A Akaun Perdagangan
B Akaun Untung Rugi
C Akaun Pengasingan Untung Rugi
D Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan
- 36 Berikut adalah petikan Akaun Yuran yang diambil daripada Kelab Memanah Kesuma.

Akaun Yuran					
2024		RM	2024		RM
Dis. 31	Pendapatan dan	22 400	Dis. 31	Bank	21 900
	Perbelanjaan			X	850
	Y	350			
		<u>22 750</u>			<u>22 750</u>

Apakah pernyataan urus niaga yang sesuai bagi **Y**?

- A Yuran tahun depan yang diterima pada tahun kewangan semasa
B Yuran kewangan tahun semasa yang belum diterima
C Yuran yang dihapuskan kerana tidak dapat dikutip
D Yuran pendaftaran ahli yang diterima

- 37 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Rakan Muda Muhibah.

	1 Januari 2024	31 Disember 2024
	RM	RM
Yuran Belum Terima	700	300
Yuran Belum Terperoleh	200	400
Maklumat tambahan:		
• Yuran yang diterima sepanjang tahun 2024 berjumlah RM8 600.		
• Yuran ahli yang diterima bagi tahun 2023 ialah RM550.		

Berapakah jumlah yuran yang akan direkod dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024?

- A RM7 850
- B RM8 150
- C RM8 650
- D RM9 350

- 38 Maklumat berikut diperoleh daripada Persatuan Penduduk Wisma Serumpun pada 1 Januari 2025.

	RM
Lengkapan	16 200
Inventori cenderamata	3 500
Majalah belum bayar	190
Derma (membina surau)	7 800
Yuran belum terperoleh	1 050

Berapakah dana terkumpul?

- A RM26 640
- B RM26 260
- C RM18 840
- D RM18 460

- 39 Apakah maksud lebihan hasil jualan berbanding kos berubah?

- A Jumlah hasil
- B Untung sasaran
- C Margin caruman
- D Titik Pulang Modal

- 40 Maklumat berikut merujuk kepada pengeluaran bedak muka oleh Perusahaan Lyna Beauty.

	RM
Harga jualan seunit	24
Kos berubah seunit	15
Kos tetap	11 000

Berapakah titik pulang modal sekiranya kos tetap meningkat sebanyak RM7 000?

- A RM48 000
- B RM30 000
- C RM28 800
- D RM11 250

KERTAS SOALAN TAMAT